

13 JAN 1996

BN-Yong

MAHATHIR TERIMA LAPORAN MESYUARAT BN SABAH

KOTA KINABALU, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dimaklumkan mengenai keputusan mesyuarat Barisan Nasional (BN) Sabah Isnin lepas yang membincangkan isu giliran jawatan Ketua Menteri negeri berkenaan.

Pemangku Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, yang mempengerusikan mesyuarat berkenaan, hari ini berkata Dr Mahathir menawarkan nasihat kepada beliau semasa pertemuan mereka di Kuala Lumpur pada hari Khamis.

"Nasihat beliau itu adalah untuk memastikan parti-parti komponen BN Sabah bekerjasama untuk kebaikan semua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan bersama keempat Kelab Rotary Daerah 3300 dan 3310 di sini.

Pertukaran jawatan Ketua Menteri secara bergilir-gilir setiap dua tahun di kalangan Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina berkenaan dicadangkan oleh Dr Mahathir pada Februari tahun lepas sebelum pilihan raya negeri yang menyaksikan Parti Bersatu Sabah (PBS) mengekalkan kuasanya dengan majoriti tipis.

PBS terpaksa melepaskan kuasa kepada BN sebulan kemudian setelah beberapa orang wakil rakyatnya meninggalkan parti itu untuk menyertai BN.

Yong berkata BN Sabah masih belum menetapkan tarikh untuk mesyuarat selanjutnya yang akan membincangkan lagi isu berkenaan kerana mesyuarat Isnin lepas gagal mencapai sebarang keputusan sama ada untuk meneruskan cadangan itu atau untuk membatalkannya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan ada lagi mesyuarat BN negeri diadakan sebelum Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak menyambung kembali tugasnya pada 22 Jan selepas bercuti selama sebulan, Yong berkata tiada sebarang keputusan diambil mengenainya.

Beliau berkata sebelum ini isu berkenaan dibincangkan secara tidak rasmi tetapi telah dibincangkan buat pertama kalinya oleh parti-parti komponen BN negeri pada mesyuarat Isnin lepas. -- Bernama.